

04/12/1997

Lima '97: Aturcara PM ketat

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memulakan aturcara ketat sempena lawatannya ke Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 1997 (Lima 97) dengan mempengerusikan mesyuarat mingguan Jemaah Menteri di Gunung Raya.

Perdana Menteri kemudian merasmikan Kampung Buku Malaysia di Lubuk Semilang, Ulu Melaka, Langkawi. Beliau diiringi Menteri Besar Kedah, Tan Seri Sanusi Junid.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir mengadakan lawatan ke pertunjukan maritim di Tanjung Malai dan merasmikan Terminal Star Cruise dan Grand Prix Pelayaran Antarabangsa Cabaran Malaysia 1997.

Perdana Menteri turut meninjau kapal dan kapal selam yang mengambil bahagian dalam pameran anjuran Huswah Exhibition Sdn Bhd..

Pada sebelah malam, Dr Mahathir menghadiri jamuan makan di MV Superstar Taurus.

(END)